

SULIT
3766/1
PERNIAGAAN
Kertas 1
Nov 2023
1 ¼ jam

3766/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

=====

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2023

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
 - 2 *Jawab **semua** soalan.*
 - 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
 - 4 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Situasi manakah yang menunjukkan sebuah pasaraya menjalankan tanggungjawab sosial?
 - A Menawarkan potongan harga semasa musim perayaan
 - B Menyediakan sampel produk baharu kepada pelanggan
 - C Memberi sumbangan pakaian sebanyak tiga kali setahun
 - D Menjual pelbagai barang keperluan untuk pilihan pengguna
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan satu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

- Apakah kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut?
- A Menanggung liabiliti terhad
 - B Prosedur penubuhan yang ringkas
 - C Risiko perniagaan dapat disebarkan
 - D Jangka hayat perniagaan yang berterusan
- 3 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu bentuk milikan perniagaan.

Sebuah perniagaan perkongsian telah menggunakan nama seorang pelakon popular sebagai rakan kongsi mereka.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi aktif
- B Rakan kongsi lelap
- C Rakan kongsi berhad
- D Rakan kongsi nominal

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Perniagaan K1 Negeri Sembilan 2023

- 4 Perbezaan yang manakah betul tentang pemilikan perniagaan tersebut?

	Syarikat Awam Berhad	Syarikat Sendirian Berhad
A	Penawaran syer yang tidak terhad	Penawaran syer yang terhad kepada 50 orang sahaja
B	Hal ehwal perniagaan dirahsiakan	Hal ehwal perniagaan perlu diumumkan
C	Saham tidak diniagakan di Bursa Malaysia	Saham boleh diniagakan di Bursa Malaysia
D	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad

- 5 Antara yang berikut, pernyataan manakah menerangkan tentang koperasi?

- I Berhak membuat keputusan dalam mesyuarat
- II Keanggotaan sekurang-kurangnya 20 orang ahli
- III Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- IV Melaksanakan kegiatan ekonomi untuk keperluan ahli

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.



Penghantaran barang kargo dari Pelabuhan Klang ke Indonesia, Brunei, Vietnam dan Filipina.

- Hasil tahunan RM19 juta
- 70 orang pekerja tetap

Apakah saiz dan skala yang **betul** bagi perniagaan tersebut?

	Saiz	Skala
A	Sederhana	Zon
B	Sederhana	Global
C	Besar	Zon
D	Besar	Global

- 7 Apakah bentuk pelepasan cukai yang boleh dimohon oleh perniagaan yang berkaitan dengan pembinaan jalan?
- A Potongan cukai
 - B Pengecualian cukai
 - C Elaun cukai pelaburan
 - D Elaun pelaburan semula
- 8 Logo 1 berkaitan dengan aspek perkembangan aktiviti perniagaan di Malaysia.



Logo 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Melaksanakan dasar pembangunan setempat
- B Meningkatkan pembangunan sumber manusia
- C Memastikan tiada penyelewengan kualiti produk
- D Mengendalikan seminar perdagangan antarabangsa

- 9 Logo 2 berkaitan sebuah agensi kerajaan yang mempunyai peranan dalam kerajaan negeri.



Logo 2

Antara yang berikut, manakah berkaitan peranan agensi tersebut?

- I Mencari pasaran baharu bagi mengeksport tempatan
 - II Memberikan pelepasan cukai bagi peniaga tempatan
 - III Menyediakan kemudahan infrastruktur untuk usahawan
 - IV Membuat kawalan tahap kesihatan awam dan keselamatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Keratan akhbar berikut berkaitan faktor persekitaran yang mempengaruhi perniagaan.



Sumber diubahsuai: <https://kosmo.com.my>-4 Januari 2022

Apakah faktor tersebut?

- A Kewangan
B Ekonomi
C Teknologi
D Sosiobudaya

- 11 Maklumat berikut berkaitan aspek perubahan persekitaran terhadap perniagaan.

- ❖ Jangkaan pertumbuhan 31% penggunaan kereta elektrik pada 2023.
- ❖ Tenaga Nasional Berhad rancang tambah stesen caj kenderaan.



Apakah aspek perubahan tersebut?

- A Aspek pasaran
- B Aspek kewangan
- C Aspek guna tenaga
- D Aspek undang-undang

- 12 Maklumat berikut merupakan pemacu pencapaian sesebuah organisasi perniagaan.

Y ialah :

- suatu ketetapan dalam mencapai matlamat.
- pernyataan ringkas untuk menjelaskan tujuan utama perniagaan.

Apakah **Y**?

- A Visi
- B Objektif
- C Hala tuju
- D Misi

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri objektif perniagaan.

- Kemampuan sumber fizikal yang mencukupi
- Mempunyai sumber manusia yang berpengalaman

Manakah ciri objektif yang berkaitan maklumat tersebut?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Jangka masa
- D Boleh diukur

- 14 Apakah maksud syer pasaran?
- A Peratus penguasaan jumlah pengguna yang membeli barang
 - B Jumlah keuntungan jualan barang berbanding pesaing
 - C Peratus promosi jualan yang diberi kepada pelanggan
 - D Jumlah pesaing yang mengeluarkan produk sama
- 15 Apakah peranan pegawai kewangan bagi sesebuah perniagaan?
- A Memilih pembekal bahan mentah yang sesuai
 - B Memenuhi kekurangan stok di sesuatu kawasan
 - C Memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut bajet
 - D Menguruskan kursus induksi terkini bagi setiap pekerja
- 16 Pernyataan berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian pembelian.

Encik Harun menerima senarai tempahan bahan mentah daripada pengurus jualan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Apakah tindakan selanjutnya yang perlu diambil oleh Encik Harun?


- A Mendapatkan sebut harga daripada pembekal
 - B Menjelaskan bayaran pembelian tepat pada masa
 - C Merancang transformasi bahan mentah kepada output
 - D Mempromosikan penggunaan bahan mentah yang berkualiti
- 17 Gambar 2 menunjukkan satu produk yang perlu melalui saluran agihan untuk sampai kepada pengguna.



Gambar 2

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pengguna

18 Rajah 1 berkaitan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 1

Apakah yang dilakukan pada peringkat **M**?

- A Menyediakan produk prototaip
- B Mengkaji semula keuntungan
- C Membentuk strategi pemasaran
- D Menguji produk prototaiP

19 Pasangan manakah yang **betul**?

	Dekod	Enkod
A	Tindak balas penerima terhadap mesej yang disampaikan	Penterjemahan mesej yang disampaikan oleh penghantar
B	Penerima mentafsir mesej bergambar yang disampaikan	Pengolahan maklumat yang dapat disampaikan dengan mudah
C	Maklumat yang disampaikan dalam bentuk tulisan atau gambar	Tahap keberkesanan proses komunikasi yang berlaku
D	Kaedah yang digunakan untuk menghantar sesuatu mesej	Proses penyampaian maklumat yang difahami oleh penerima

20 Antara yang berikut, situasi manakah yang berkaitan dengan kepentingan pengurusan sumber manusia?

- I Kekosongan jawatan selepas persaraan akan diisi oleh pekerja yang ditemuduga
- II Sebuah perusahaan roti menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pekerja
- III Lokasi perniagaan di kawasan bandar memudahkan pekerja untuk datang bekerja
- IV Pekerja kreatif dan inovatif akan menjana keuntungan kepada sesebuah perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 21 Maklumat berikut berkaitan satu peranan pengurusan sumber manusia.

Konsep PDCA :
P - *Plan*
D - *Do*
C - *Check*
A - *Action*

Pengurus Syarikat Automobil Noza Raya memastikan semua stafnya untuk mengamalkan konsep PDCA dalam setiap bahagian fungsian.

Apakah peranan yang diaplikasikan oleh pengurus tersebut?

- A Mewujudkan suasana harmoni
 - B Menggalakkan kreativiti pekerja
 - C Memantapkan budaya profesional
 - D Meningkatkan kemahiran terkini pekerja
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan satu aspek pengelolaan sumber manusia.

KUALA LUMPUR – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) menemui lebih 200 tangga besi yang disalahgunakan di tapak pembinaan bangunan di Taman Mutiara Barat dan pemaju telah diarahkan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2023/03/01>

Aspek pengelolaan manakah yang tidak dipatuhi oleh pemaju tersebut?

- A Struktur organisasi
- B Penempatan pekerja
- C Penyelesaian masalah
- D Standard prosedur operasi

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkkerjaan bagi sebuah perniagaan.



JAWATAN KOSONG KERANI

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:


- ✓ UMUR 20-30
- ✓ PEREMPUAN / LELAKI
- ✓ MAHIR MENGGUNAKAN KOMPUTER
- ✓ MAHIR MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL (FACEBOOK, INSTAGRAM, TIKTOK)

Apakah kemahiran kebolehkkerjaan yang diperlukan oleh perniagaan tersebut?


- A Kelayakan yang bersesuaian
 B Berpengetahuan tentang perkhidmatan
 C Berpengalaman dalam industri tertentu
 D Keberkesanan mencapai sasaran pasukan

- 24 Manakah struktur organisasi berdasarkan produk?


A




B




C



D



- 25 Antara yang berikut, manakah merupakan sumber fizikal bagi sebuah kedai kek?
- I Mesin pengadun
 - II Buku resipi kek
 - III Perisian antivirus
 - IV Gula halus
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 26 Gambar 3 berkaitan sejenis sumber bagi perniagaan Arkitek Uniq Bersaudara.



Gambar 3

Apakah tujuan pemilik membuat prosedur mengurus sumber tersebut?

- A Memastikan bangunan dalam keadaan selamat
- B Memperoleh pampasan akibat risiko kebakaran
- C Memastikan proses pembinaan dengan segera
- D Memperoleh hak perlindungan undang-undang


- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Fadlin telah menambah modal perniagaan dengan mencagarkan koleksi gelang emasnya.

Apakah jenis pembiayaan tersebut?

- A Ar-Rahnu
- B Pajakan
- C Sewa beli
- D Pemfaktoran

- 28 Rajah 2 berkaitan dengan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan.



Rajah 2

Apakah yang berlaku di **Z** ?

- A Menyerahkan lesen perniagaan
- B Mematuhi syarat am pembiayaan
- C Mengisi borang pendaftaran perniagaan
- D Mendapatkan nasihat berkaitan had pembiayaan

- 29 Butiran berikut diperolehi daripada Perniagaan Menang Niaga Enterprise.

Butiran	RM
Modal awal	258 000
Rugi bersih	3 500
Kelengkapan	12 000
Ambilan	550

Berapakah modal akhir perniagaan tersebut?

- A RM253 950
 - B RM254 500
 - C RM256 450
 - D RM257 000
- 30 Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?
- A Kos yang selari dengan kuantiti pengeluaran
 - B Kos yang digunakan untuk belian bahan mentah
 - C Kos yang tidak meningkat dalam jangka panjang
 - D Kos yang ditanggung walaupun tiada pengeluaran
- 31 Mengapakah institusi pembiayaan perlu meneliti penyata kewangan sesebuah perniagaan?
- A Menentukan sasaran tahap keberuntungan
 - B Menilai kemampuan membayar hutang semasa
 - C Merancang pengagihan sumber dengan berkesan
 - D Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran
- 32 Maklumat analisis nisbah berikut diperolehi daripada perniagaan Kedai Baju Anggun.

Peratus untung tokokan = 35%

Manakah yang betul berkaitan analisis nisbah tersebut?

- A Peningkatan harga jualan sebanyak 35 peratus
- B Peningkatan kos belian stok sebanyak 35 sen
- C Peningkatan untung kasar sebanyak 35 peratus
- D Peningkatan pulangan modal sebanyak 35 sen

- 33 Butiran berikut diambil daripada penyata kewangan Syarikat Perabot Ace.

Butiran	RM
Jualan Bersih	257 000
Jumlah Aset	680 000
Untung Kasar	115 650
Untung Bersih	74 500

Berapakah nisbah pusing ganti aset perniagaan tersebut?

- A 0.45 kali
- B 0.38 kali
- C 0.29 kali
- D 0.17 kali

- 34 Maklumat berikut berkaitan kekuatan diri usahawan.

Encik Dawood berjaya mencapai sasaran untung yang ditetapkan dalam perniagaan minuman kesihatannya selaras dengan penetapan visi dan misi perniagaan.

Apakah kekuatan diri yang ditunjukkan oleh Encik Dawood?

- A Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu
- B Memberikan fokus tenaga dan tumpuan
- C Kemahiran pembangunan karakter diri
- D Keupayaan membina jenama sendiri

- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.

Encik Alif menggunakan pengalaman sebagai pegawai teknologi maklumat untuk meluaskan perniagaannya.

Apakah faktor penyumbang tersebut?

- A Modal
- B Latihan
- C Kemahiran
- D Bantuan profesional

- 36 Antara yang berikut, manakah yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- I Ahmad Albi, Sara & Co.
 - II Cenimax Enterprise
 - III Kiambang Sendirian Berhad
 - IV Koperasi Megah Jaya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Maklumat berikut berkaitan satu dokumen perniagaan yang terlibat dalam urusan perniagaan.

Asal	INV505			
INVOIS KILANG KAIN BERSIH 209 Jalan Lestari Rembau, Negeri Sembilan				
				Tarikh: 16/08/2023
Kepada: Kedai Fesyen Zafirah No 544 Bangunan MARA Tampin, Negeri Sembilan				
Bil	Butiran	Harga Seunit (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Kain Cotton	150.00	5 gulung	750.00
2	Kain Satin	95.00	3 gulung	285.00
Jumlah				1035.00
Ringgit: Satu ribu dan tiga puluh lima sahaja				
<i>Zafirah</i> (Penerima)		<i>Auni</i> (Pengurus)		

Apakah bentuk urusan yang dilakukan oleh Kedai Fesyen Zafira?

- A Jualan tunai
- B Jualan kredit
- C Belian tunai
- D Belian kredit

- 38 Manakah butiran penerimaan dalam dokumen Penyata Aliran Tunai?
- A Gaji
 - B Modal
 - C Promosi
 - D Insurans
- 39 Gambar 4 berkaitan tentang satu kaedah promosi.




Gambar 4

Apakah kaedah promosi tersebut?

- A Jualan langsung
- B Promosi jualan
- C Pengiklanan
- D Publisiti

40 Rajah 3 menunjukkan satu aspek yang terdapat dalam rancangan operasi sesebuah perniagaan.



Rajah 3

Apakah situasi yang berlaku di P?

- A Menghasilkan produk berkualiti
- B Membungkus produk dengan kemas
- C Membuat penilaian penghasilan produk
- D Mengedarkan produk kepada pelanggan